KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP




24 JAM

# BERITA KPDN

## KERATAN AKHBAR & BERITA ONLINE

***Untuk makluman:***

- *YB Menteri*
- *YB Timbalan Menteri*
- *YBhg. KSU*
- *YBhg. TKSU (PPDN)*
- *YBhg. TKSU (PPP)*
- *Setiausaha Akhbar*

***Tarikh:*** **1 Disember 2025**

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

# KERATAN AKHBAR

## KPDN

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Harian Metro
HARI: ISNIN
TARIKH: 1/12/2025
M/SURAT: 11

# Operasi Gasak KL: 84 ditahan, 48 kompaun dikeluarkan

**Kuala Lumpur:** KL Strike Force menahan lebih 84 warga asing dan mengeluarkan 48 kompaun dalam Operasi Bersepadu Gasak Siri 4/2025 di Jalan Alor, Bukit Bintang pada Jumaat lalu bagi mengekang aktiviti perniagaan tanpa lesen dan salah guna permit.

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dalam satu kenyataan memaklumkan operasi terbabit dilaksanakan bersama Jabatan Imigresen Malaysia (JIM), Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN), Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) serta Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM).

Katanya, hasil operasi, DBKL menutup serta-merta dua premis restoran dan melaksanakan sembilan tindakan sita dan pindah halangan.



KL Strike Force ketika menjalankan operasi bersepadu di Jalan Alor, Bukit Bintang bagi mengekang aktiviti perniagaan warga asing tanpa lesen serta salah guna permit.

"Selain itu, sebanyak 26 kompaun dikeluarkan atas kesalahan premis tanpa lesen, premis kotor, papan tanda tanpa lesen, tiada perangkap minyak dan ketiadaan suntikan tifoid.

"Tindakan dibuat di bawah Undang-Undang Kecil (UUK) Perlesenan Petempatan Makanan 2016, UUK Perlesenan Penjaja 2016, UUK Iklan 1982 dan Akta Kerajaan Tempatan 1976," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Menurutnya, JIM bersama JPN memeriksa 115 warga asing dan menahan 84 individu atas kesalahan salah guna permit kerja dan tinggal melebihi tempoh yang dibenarkan melibatkan warga Bangladesh, India, Pakistan, Nepal, Myanmar, Yaman, Indonesia dan Vietnam.

"KPDN pula mengeluarkan tujuh kompaun bernilai RM6,700 berkaitan kesalahan penandaan harga dan penggunaan alat timbang sukat di bawah Peraturan Kawalan Harga dan Antipencatutan 2020 serta Akta Timbang dan Sukat 1972.

"Manakala SSM mengeluarkan 15 kompaun atas kesalahan gagal mendaftarkan perniagaan serta tidak mempamerkan sijil pendaftaran, papan tanda nama perniagaan dan nombor pendaftaran di bawah Kaedah-Kaedah Pendaftaran Perniagaan 1957, Akta Pendaftaran Perniagaan 1956 dan Akta Syarikat 2016," katanya.

Dalam pada itu, DBKL berkata, tindakan dan pemantauan bersepadu akan diteruskan secara berjadual.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

# 隆市局新山移民局
# 捕176非法外勞

（吉隆坡、新山30日讯）吉隆坡市政局（DBKL）执法小组和新山移民局昨日分别在两地展开取缔行动，一举逮捕176名非法外劳。

DBKL是昨日联合大马移民局、国内贸易及生活成本部（KPDN）、国民登记局（JPN）和大马公司委员会（SSM） 在武吉免登亚罗街展开取缔行动。

根据DBKL文告，当局在行动中，检查115名外籍人士，并逮捕84名滥用工作准证和逾期停留的外籍人士，分别来自孟加拉、印度、巴基斯坦、尼泊尔、缅甸、叶门、印尼和越南。

另外，当局也对非法营业和滥用执照业者开出48张罚单，并勒令2家餐馆立即关闭，同时查封9处违规的店铺建筑，清除违法的障碍物。

"还有26项业者违规行为被开罚单，包括无营业执照、场所脏乱、招牌无申请注册、未安装油污收集器、未接种伤寒疫苗。"

在新山， 柔佛州移民局本月26日在士姑来裕华园一带展开多项取缔行动，锁定商业及住家单位，成功拘留92名涉嫌违反1959/63年移民局法令与移民条例的外籍人士。

柔州移民局长拿督莫哈末鲁斯迪发文告透露，取缔行动主要针对缝纫店、美容院、食品业及被指控涉嫌聘用或被指涉及庇护非法移民（PATI）的场所。

他指出，取缔行动是在接获民众投报及掌握情报后迅速展开，队伍分别突击多个商业单位及民宅，成功阻断多个非法移民活动点。（LPP）

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

# BERITA ONLINE

## KPDN

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

| BERITA ONLINE BERTARIKH 1 DISEMBER 2025 | | | |
|---|---|---|---|
| **TARIKH** | **TAJUK** | **PAUTAN** | **MEDIA** |
| 1-Dec | Lemon Law: KPDN dalam peringkat sedia Kertas Jemaah Menteri | https://utusantv.com/2025/11/28/lemon-law-kpdn-dalam-peringkat-sedia-kertas-jemaah-menteri/ | UTUSAN |
| 1-Dec | Terdapat keperluan Lemon Law diintegrasikan melalui pindaan Akta 599 | https://www.utusan.com.my/nasional/2025/11/terdapat-keperluan-lemon-law-diintegrasikan-melalui-pindaan-akta-599/ | UTUSAN |
| 1-Dec | KPDN lancar Program Pasar PATUH perkukuh pematuhan perniagaan | https://themalaysiapress.com/kpdn-lancar-program-pasar-patuh-perkukuh-pematuhan-perniagaan/ | THE MALAYSIA PRESS |
| 1-Dec | KPDN lancar Program Pasar PATUH | https://www.utusanborneo.com.my/2025/11/28/kpdn-lancar-program-pasar-patuh | UTUSAN BORNEO |
| 1-Dec | KPDN Kelantan lantik 172 pemegang lesen runcit stok mini untuk kawasan banjir | https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2025/11/1477708/kpdn-kelantan-lantik-172-pemegang-lesen-runcit-stok-mini-untuk | BERITA HARIAN |
| 1-Dec | Kelantan appoints 172 premises for monsoon season extra stock storage | https://thesun.my/news/malaysia-news/people-issues/kelantan-appoints-172-premises-for-monsoon-season-extra-stock-storage/ | THE SUN |

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT